

**NO. SOALAN: 58**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 11 JUN 2015**

**RUJUKAN : 7948**

**SOALAN:**

**Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ] minta MENTERI  
DALAM NEGERI menyatakan prosedur pendakwaan yang telah  
dikenakan terhadap OKT sebelum Akta Pencegahan Keganasan  
diluluskan di Dewan Rakyat.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Semua tangkapan terhadap orang-orang yang terlibat di dalam aktiviti kumpulan keganasan ditangkap dan dituduh di bawah undang-undang sedia ada seperti Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA), Akta Pencegahan Jenayah 1959 (POCA) dan Kanun Keseksaan. Sehingga hari ini, undang-undang baru tersebut masih belum berkuatkuasa kerana dalam proses menunggu perkenan Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong untuk diwartakan penguatkuasaannya.**